

# SIJIL ASAS TAKAFUL 3ASYCARE

## NO BORANG:

Ini merupakan pelan Penyakit Kritikal yang memberikan perlindungan Takaful sehingga Tarikh Matang/Luput sijil seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Maklumat Sijil. Caruman akan dibuat selama tempoh caruman yang dinyatakan dalam Lembaran Maklumat Sijil atau apabila Sijil ini ditamatkan, yang mana terdahulu.

## MANFAAT

Semasa Sijil berkuatkuasa, selepas menerima bukti dan tertakluk kepada peruntukan dalam Sijil, Kami akan memberi manfaat yang dinyatakan seperti yang berikut:

### 1. MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL

Sekiranya Orang Yang Dilindungi didiagnos menghidap salah satu daripada Penyakit Kritikal yang dinyatakan dalam Jadual Penyakit Kritikal, Kami akan membayar seratus peratus (100%) daripada Jumlah Perlindungan Asas.

### 2. MANFAAT PENJAGAAN KHAS

Kami akan membayar tambahan sepuluh peratus (10%) daripada Jumlah Perlindungan Asas jika Orang Yang Dilindungi menghidap salah satu daripada Penyakit Kritikal seperti yang dinyatakan dalam Jadual Penyakit Kritikal. Manfaat ini hanya diberikan kepada Orang Yang Dilindungi yang bukan perokok seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan. Sijil akan ditamatkan sebaik sahaja Manfaat Penyakit Kritikal dan Manfaat Penjagaan Khas (jika berkenaan) dibayar.

### BUKTI PENYAKIT KRITIKAL

Orang Yang Dilindungi mestilah menyediakan bukti perubatan yang mencukupi dan memuaskan Kami dengan perbelanjaan sendiri. Setiap diagnosis bagi mana-mana penyakit tersebut mestilah disokong oleh bukti klinikal, radiologi, histologi dan makmal yang sesuai dan disahkan oleh Pengamal Perubatan yang berdaftar. Walaupun bukti Penyakit Kritikal tersebut mungkin telah dipersetujui oleh Kami, Kami boleh meminta Orang Yang Dilindungi menjalani pemeriksaan perubatan oleh Pakar Perubatan dilantik oleh Kami.

### PENGECUALIAN

Sijil ini tidak melindungi:

- a. Penyakit Kritikal selain penyakit yang dihidapi pada pertama kali;
- b. Penyakit Sedia Ada;
- c. Strok / Angin Ahmar di mana pertama kali tanda-tanda dan gejala-gejala timbul dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari Tarikh Permulaan Sijil;
- d. Serangan Jantung di mana pertama kali tanda-tanda dan gejala-gejala timbul dalam tempoh enam puluh (60) hari dari Tarikh Permulaan Sijil;
- e. Apa-apa penyakit yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung, seluruhnya atau sebahagiannya disebabkan oleh kecederaan diri semasa waras atau tidak waras, penyalahgunaan alkohol secara sengaja dan/atau pengambilan dadah selain seperti yang diarahkan oleh Pengamal Perubatan barat yang berdaftar;
- f. Kematian yang berlaku dalam tempoh empat belas (14) hari daripada diagnosis dan pengesahan Penyakit Kritikal.

## DEFINISI

### NO BORANG:

**UMUR** bermakna umur Orang Yang Dilindungi pada ulangtahuan yang lepas yang ditentukan daripada Tarikh Permulaan.

**TEMPOH PENILAIAN** bermakna tempoh yang mana Kami akan menilai keadaan sebelum menentukan sama ada keadaan tersebut layak atau tidak dikira sebagai Kekal. Tempoh penilaian adalah untuk jangka masa tempoh minimum yang dinyatakan dalam definisi yang berkaitan dan tidak akan lebih daripada dua belas (12) bulan dengan syarat segala bukti yang diperlukan telah diserahkan.

**JUMLAH PERLINDUNGAN ASAS** bermakna jumlah perlindungan Takaful untuk Takaful 3asyCare seperti dinyatakan di dalam Lembaran Maklumat Sijil atau Endosmen (mengikut mana-mana yang berkenaan).

**TARIKH BIL** bermakna tarikh di mana pemberitahuan bil berkala akan dimulakan. Tarikh Bil pertama dinyatakan di dalam Lembaran Maklumat Sijil.

**SIJIL** bermakna Sijil dan Endorsmen yang disertakan kepadanya.

**TAHUN SIJIL** bermakna tempoh satu (1) tahun daripada dan termasuk Tarikh Permulaan Sijil, atau tempoh satu (1) tahun daripada tarikh ulang tahun Sijil.

**TARIKH PERMULAAN** bermakna tarikh di mana manfaat-manfaat yang dilindungi di dalam Sijil ini bermula.

**HIBAH BERSYARAT** bermakna hadiah yang bersyarat dan dalam konteks Takaful, ini bermaksud manfaat Takaful yang dibayar daripada APRP kepada penerima yang dinamakan berdasarkan terma dan syarat yang dilampirkan kepada cadangan Hibah yang dibuat oleh Peserta dalam borang penamaan. Syarat yang dilampirkan kepada cadangan Hibah adalah Bersyarat kerana bayaran tuntutan daripada APRP kepada penerima yang dinamakan apabila berlakunya peristiwa yang dipersetujui sebelumnya antara Peserta dengan Kami.

**CARUMAN** bermakna jumlah Caruman yang dibuat oleh Peserta dan dikumpulkan bersama untuk mendapatkan perlindungan Takaful di bawah Sijil ini. Caruman yang dibuat adalah berdasarkan mod Caruman yang terpilih dalam mata wang dan amaun yang dinyatakan dalam Lembaran Maklumat Sijil atau Endosmen yang Kami terbitkan.

**PENYAKIT KRITIKAL** bermakna sebarang penyakit seperti yang dinyatakan di Jadual Penyakit Kritikal.

**ENDOSMEN** bermakna addendum kepada Sijil ini yang mengubah peruntukan asal Sijil tertakluk kepada terma dan syaratnya dan diluluskan oleh Kami.

**HIBAH** bermakna hadiah. Dalam Takaful, kontrak Hibah juga melibatkan transaksi yang lain seperti pengagihan lebihan dan pembetulan kecauan, manakala manfaat Takaful akan diberikan kepada penama berdasarkan **Hibah Bersyarat**.

**TARIKH MATANG/LUPUT** bermakna tarikh yang dinyatakan dalam Lembaran Maklumat Sijil atau seperti dinyatakan di Endorsmen (mengikut mana-mana yang berkenaan) yang mana perlindungan Orang Yang Dilindungi di bawah Sijil ini akan tamat jika tidak dibatalkan lebih awal mengikut peruntukannya.

**PESERTA** bermakna orang yang memiliki Sijil Takaful ini dan boleh menggunakan semua hak, keistimewaan dan pilihan yang ada di bawah Sijil ini tertakluk kepada Peruntukan Hak Milik.

**KEKAL** bermakna dijangka untuk kekal seumur hidup Orang Yang Dilindungi.

**DEFISIT NEUROLOGI KEKAL DENGAN SIMPTOM KLINIKAL BERTERUSAN** bermakna simptom disfungsi dalam system saraf yang didapati semasa pemeriksaan klinikal dan dijangka kekal seumur hidup Orang Yang Dilindungi. Simptom-simpptom yang dilindungi termasuk kebas, lumpuh, kelemahan setempat, dysarthria (kesukaran bertutur), aphasia (ketidakupayaan bertutur), dysphagia (kesukaran menelan), kecacatan visual, kesukaran berjalan, kekurangan koordinasi, tremor, sawan, demensia, delirium dan koma.

**PAKAR ATAU PEGAWAI PERUBATAN** bermaksud pegawai perubatan yang berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat bahawa pengamalan tersebut adalah dalam skop dan kawasan geografi yang ditetapkan dalam lesen, tetapi tidak termasuk Pakar Perubatan atau Pegawai Perubatan di mana dia ialah Orang Yang Dilindungi, dan pasangan Orang Yang Dilindungi atau ahli keluarga terdekat Orang Yang Dilindungi.

**AKAUN PELABURAN RISIKO PESERTA (APRP)** bermakna akaun pegangan Peserta yang mana Tabarru' akan dikreditkan. Semua manfaat, seperti yang dinyatakan dalam Sijil ini akan dibayar dari dana ini. Jika APRP secara menyeluruh mengalami defisit, Kami akan menguruskan untuk Qard. Qard akan dibayar balik apabila APRP kembali kepada kedudukan yang positif dan sebelum lebihan bersih dibahagikan.

**ORANG YANG DILINDUNGI** bermakna orang yang dinyatakan dalam Lembaran Maklumat Sijil di mana ke atasnya Pemilik Sijil ini telah mengambil perlindungan tertakluk kepada hubungan yang sah antara kedua-dua belah pihak di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Undang-Undang Terpakai.

**PENYAKIT SEDIA ADA** hanya bermaksud Penyakit yang sedia ada sebelum Tarikh Permulaan atau tarikh perubahan yang berkuatkuasa, yang mana terdahulu, yang diketahui sewajarnya oleh Orang Yang Dilindungi. Orang Yang Dilindungi dianggap untuk mengetahui sewajarnya keadaan sedia ada tersebut apabila keadaan tersebut adalah:-

- Orang Yang Dilindungi telah atau sedang menerima rawatan;
- Nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan;
- Gejala yang jelas dan tepat dapat atau telah dilihat dengan nyata;
- Kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu.

**QARD** bermakna pinjaman tanpa faedah yang Kami sediakan jika berlakunya defisit dalam APRP.

**TABARRU'** bermakna sumbangan dan dalam Takaful ia akan berkuat kuasa apabila Peserta mencarum sejumlah wang ke APRP berdasarkan kontrak sumbangan.

**TAKAFUL** bermaksud satu konsep saling membantu di mana para Peserta Takaful saling bersetuju untuk memberi sumbangan terhadap satu dana yang sama (APRP) yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang akan dibayar kepada Peserta atau waris-waris mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui.

**CUKAI** bermaksud mana-mana cukai, levi atau duti sekarang atau masa hadapan, termasuk cukai penggunaan atau sebarang cukai yang mempunyai ciri-ciri yang seumpama, yang dikenakan oleh kerajaan atau lembaga penguatkuasaan cukai atas barangan dan perkhidmatan.

**WAKALAH** bermakna konsep Syariah di mana ejen akan dilantik bagi menjalankan dan menguruskan transaksi bagi pihak orang lain. Dalam kontrak Takaful ini, ia bermakna Kami, Zurich Takaful Malaysia Berhad, dilantik sebagai pengurus untuk menguruskan urusan Takaful bagi pihak Peserta dengan caj Yuran Wakalah yang telah dipersetujui. Jika Kami didapati melakukan kesalahan dalam tindakan (ta'addi), lalai (taqsir), atau melanggar syarat tertentu (mukhalafah al-shurut), Kami akan bertanggungjawab dan akan memberi pampasan bagi kerugian atau kerosakan termasuk kos yang ditanggung Peserta.

**YURA WAKALAH** bermakna yuran yang Kami sebagai Pengendali Takaful kenakan para Peserta bagi menguruskan segala operasi dalam pemiagaan Takaful.

**KAMI** bererti Zurich Takaful Malaysia Berhad.

**ANDA** bererti pemilik Sijil ini.

*Selagi konteks dikehendaki di dalam Sijil ini, kata-kata yang membawa jantina lelaki akan merangkumi jantina perempuan dan istilah tunggal akan merangkumi bentuk jamak.*

*Versi Bahasa Inggeris akan digunapakai sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau kekeliruan akibat penterjemahan ke Bahasa Malaysia, sekiranya ada.*

# JADUAL MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL

## NO BORANG:

### 1. KANSER – KETERUKAN TERTENTU DAN TIDAK MELINDUNGI KANSER TAHAP AWAL

Sebarang tumor malignan yang didiagnos positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukemia, limfoma dan sarcoma.

- a. Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:
- b. Semua kanser yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai berikut:
  - pra-malignan;
  - bukan invasif;
  - karsinoma in situ;
  - mempunyai malignan pinggiran (borderline);
  - mempunyai potensi malignan;
- c. Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- d. Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- e. Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- f. Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3;
- g. Semua kanser dengan kewujudan HIV;
- h. Sebarang kanser kulit selain melanoma malignan.

### 2. SERANGAN JANTUNG – KETERUKAN TERTENTU

Kematian otot jantung, disebabkan oleh kekurangan bekalan darah yang telah menyebabkan infarksi miokardium akut dengan semua bukti berikut:

- Sejarah sakit dada tipikal;
- Perubahan ciri baru elektrokardiografik; dengan pembentukan salah satu daripada yang berikut: peningkatan atau penurunan ST, penyongsangan (inversi) gelombang T, patologi gelombang Q atau blok cabang berkas diri; dan
- Peningkatan petunjuk kardiak, termasuk CPK-MB melebihi tahap normal makmal yang diterima secara umum atau Troponin yang direkodkan berada di peringkat berikut atau lebih tinggi:
  - Troponin T Kardiak atau Troponin I Kardiak  $\geq 0.5$  ng/ml.

Bukti mesti menunjukkan kejadian infarksi miokardium akut adalah pasti, yang mana seharusnya disahkan oleh pakar kardiologi atau pakar perubatan.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- a. Kejadian sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina tidak stabil;
- b. Peningkatan petunjuk kardiak akibat daripada prosedur perkutaneus untuk penyakit arteri koronari.

### 3. STROK/ANGIN – MENGAKIBATKAN DEFISIT NEUROLOGI KEKAL DENGAN SIMPTOM-SIMPTOM KLINIKAL BERTERUSAN

Kematian tisu otak akibat bekalan darah yang tidak cukup, pendarahan dalam tengkorak atau embolisasi dari satu sumber selain dari kranium yang mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan. Diagnosis ini mesti berdasarkan kepada perubahan yang boleh dilihat pada imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh seorang pakar neurologi. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan adalah digunapakai.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- a. Serangan iskemia sementara (Transient Ischemic Attacks);
- b. Simptom-simptom serebral yang disebabkan oleh migrain;
- c. Kecederaan traumatik pada tisu otak atau salur-salur darah;
- d. Penyakit vaskular yang memberi kesan terhadap mata atau saraf optik atau fungsi-fungsi vestibular.

# PERUNTUKAN AM

## NO. BORANG:

### SIJIL

Sijil ini diterbitkan adalah berdasarkan Caruman yang dibuat seperti yang dinyatakan di Lembaran Maklumat Sijil dan lanjutan kepada:

- a) jawapan yang Anda berikan dan/atau yang diberikan oleh Orang Yang Dilindungi dalam borang permohonan Anda atau mana-mana soal selidik susulan yang Kami berikan mengenai sebarang perkara yang berkaitan dengan permohonan Anda dan sebarang penzahiran yang Anda berikan dari tempoh masa penyerahan permohonan Anda sehingga kontrak ini dimeterai; dan
- b) laporan perubahan dan mana-mana laporan dan soal selidik lain (secara seluruhnya dirujuk sebagai 'maklumat berkenaan').

Maklumat berkenaan tersebut akan menjadi asas kepada Sijil Takaful antara Anda dengan Kami. Sekiranya terdapat salah nyataan yang berlaku sebelum kontrak dimeterai berkait dengan mana-mana maklumat penting tersebut, hanya remedi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan terpakai.

Sekiranya anda dikehendaki oleh Kami, sebelum Sijil ini diperbaharui atau dipinda, untuk menjawab apa-apa soalan atau jika Anda diminta untuk mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang telah Anda nyatakan kepada Kami berkaitan dengan Sijil ini, adalah menjadi kewajipan Anda untuk mengambil langkah sewajarnya untuk tidak memberi apa-apa salah nyataan apabila semasa menjawab soalan-soalan atau mengesahkan atau meminda apa-apa kenyataan yang terdahulu.

Anda dikehendaki memaklumkan kepada Kami sebarang perubahan kepada maklumat asal yang Anda berikan dalam jawapan Anda atau berkenaan dengan mana-mana pernyataan terdahulu yang dizahirkan kepada Kami berhubung dengan Sijil ini sekiranya perubahan tersebut terjadi selepas Anda menyerahkan permohonan untuk pembaharuan/pindaan atau sebelum Sijil diperbaharui atau dipinda.

### TIDAK BOLEH TANDING DAN SALAH NYATAAN

Jika Sijil ini telah berkuatkuasa semasa hayat Orang Yang Dilindungi untuk tempoh lebih dari dua (2) tahun dari Tarikh Permulaan (seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Maklumat Sijil), Sijil ini adalah tidak boleh dipertikaikan melainkan kecuali untuk kes yang berunsur penipuan.

Di dalam kes penipuan, Kami berhak untuk membatalkan Sijil ini dan memulangkan Jumlah Caruman yang telah Dibuat kepada Anda, selepas ditolak sebarang tunggakan dan Pulangan Tunai yang telah dibayar.

Sekiranya Sijil ini berkuatkuasa semasa hayat Orang Yang Dilindungi dalam tempoh dua (2) tahun atau kurang dari Tarikh Permulaan (seperti di dalam Lembaran Maklumat Sijil), hanya remedi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 berkenaan dengan salah nyataan pra-kontrak akan terpakai.

### PINDAAN

Peruntukan-peruntukan Sijil ini tidak boleh dihapuskan atau dipinda oleh Kami melainkan dengan Endosmen kepada Sijil dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Kami melalui notis tiga (3) bulan berserta surat notifikasi merangkumi sebab perubahan.

### UBAHSUAI

Semua pernyataan yang diberikan oleh Peserta dan Orang Yang Dilindungi di dalam borang permohonan atau seumpamanya tidak boleh dikecualikan atau diubahsuai kecuali dengan Endosmen kepada Sijil ini dan dipersetujui dan ditandatangani oleh pegawai berkuasa Kami.

### NOTIS

Setiap notis atau surat-menyurat kepada Kami mesti dimaklumkan secara bertulis dan dihantar kepada Kami. Sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat akan diberikan oleh Kami akan dihantar secara pos, elektronik atau sebarang cara yang dianggap pratikal kepada Anda dan komunikasi ini akan dianggap telah Anda diterima.

### UMUR DAN JANTINA

Sijil ini diterbitkan berdasarkan Umur yang tertera dalam Lembaran Maklumat Sijil, iaitu umur Orang Yang Dilindungi pada hari jadi yang lepas. Jika dibuktikan bahawa Umur dan jantina telah salah dinyatakan dalam borang permohonan, maka manfaat atau caruman akan disemak sewajarnya mengikut Umur atau jantina yang sebenarnya.

### BUKTI UMUR

Jika Umur Orang Yang Dilindungi tidak pernah disahkan, Kami boleh meminta pembuktian Umur Orang Yang Dilindungi sebelum pembayaran manfaat-manfaat Sijil ini boleh dibuat.

### PENOLAKAN DARIPADA BAYARAN KEPADA PESERTA

Kami akan menolak sebarang tunggakan kepada Kami dalam Sijil ini daripada sebarang pembayaran atau jumlah dalam Sijil ini yang akan dibuat oleh Kami semasa membuat penyelesaian.

## **MATA WANG DAN TEMPAT PEMBAYARAN**

Semua jumlah yang Kami terima mestilah dalam Ringgit Malaysia dan di pejabat Kami seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Maklumat Sijil dan mengikut mana-mana saluran yang Kami benarkan.

## **PENAMAAN**

Manfaat Takaful adalah diberikan kepada penerima manfaat (penama) yang berkenaan melalui kontrak Hibah Bersyarat yang boleh dibatalkan yang hanya berkuatkuasa setelah berlaku kematian Peserta atau setelah berlaku kematian Orang Yang Dilindungi dan Peserta tidak lagi hidup dan ia terlaksana setelah pengesahan penerimaan Hibah oleh penerima Hibah. Penamaan Hibah Bersyarat ini hendaklah dilengkapkan oleh Peserta yang telah mencapai umur lapan belas (18) tahun di mana penama-penama akan menerima manfaat Takaful sebagai penerima Hibah dan manfaat tersebut di bawah kontrak ini adalah dikecualikan daripada undang-undang pewarisan yang sedia ada.

Peserta juga boleh melantik Wasi, yang merupakan pentadbir yang menguruskan manfaat-manfaat Takaful. Oleh itu, Wasi bukanlah penerima manfaat Takaful dan ia boleh dibatalkan dan hanya berkuatkuasa setelah berlaku kematian Peserta atau setelah berlaku kematian Orang Yang Dilindungi dan Peserta tidak lagi hidup dan ia terlaksana setelah pengesahan penerimaan perantaraan oleh pelaksana Wasi Takaful. Pelantikan Wasi ini adalah untuk dilengkapkan oleh Peserta yang telah mencapai umur lapan belas (18) tahun, di mana wasi akan mengagihkan manfaat-manfaat Takaful ini mengikut borang penamaan atau mana-mana undang-undang yang berkaitan.

Bayaran manfaat kematian adalah berdasarkan peruntukan undang-undang di dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

## **PERUNTUKAN CUKAI**

Semua Caruman dan yuran yang perlu dibayar di bawah Sijil ini tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invoice dan Zurich Takaful Malaysia Berhad berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada Peserta sebagai tambahan kepada Caruman dan/atau yuran yang perlu dibayar di bawah Sijil ini.

## **MAKLUMAT DAN TERMA DAN SYARAT YANG BERKAITAN DENGAN PERTUKARAN MAKLUMAT AUTOMATIK ANTARABANGSA UNTUK TUJUAN CUKAI DAN PEMATUHAN CUKAI PELANGGAN**

Berhubung dengan keperluan undang-undang dan pengawalseliaan mengenai pertukaran maklumat antarabangsa untuk tujuan cukai, termasuk Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA) Amerika Syarikat dan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengannya, Kami dikehendaki untuk menetapkan prosedur semakan yang tertentu untuk mengenal pasti pemastautin cukai bagi orang tertentu yang berkaitan dengan Sijil. Untuk mematuhi kewajipan ini, Peserta dan mana-mana orang yang berhak untuk mendapatkan nilai tunai, menukar penerima manfaat/waris atau melakukan tindakan lain yang berkaitan dengan Sijil seperti yang diuraikan oleh undang-undang (bersama dalam Fasal ini, untuk dirujuk sebagai "Peserta") mestilah atas permintaan Kami, memberikan Kami pengesahan diri yang tepat mengenai bidang kuasa atau bidang-bidang kuasa di mana Peserta adalah pemastautin cukai dan, jika berkenaan, bertindak balas kepada permintaan Kami untuk bukti dokumen dan nombor pengenalan pembayar cukai atau yang setaraf seperti yang diminta di bawah peraturan yang berkaitan.

Selaras dengan undang-undang yang berkenaan, Kami akan melaporkan maklumat tertentu secara berkala mengenai Peserta-Peserta, termasuk nama dan alamat, tarikh lahir, tempat lahir dan butiran kewangan yang berkaitan dengan Sijil kepada pihak berkuasa cukai yang bersesuaian atau pihak berkuasa lain yang ditetapkan oleh undang-undang.

Jika Peserta berpindah ke negara lain dan / atau jika pemastautin cukai mana-mana Peserta berubah atau berbeza daripada maklumat yang disahkan diri berkenaan pemastautin cukai atau dalam dokumentasi yang disediakan berkaitan dengan Sijil, Peserta yang memberikan pengesahan diri atau dokumentasi tersebut mestilah memberi notis bertulis kepada Kami sebelum perubahan itu tetapi tidak melebihi 30 HARI ATAU TIDAK KURANG DARIPADA BILANGAN HARI YANG DITETAPKAN OLEH UNDANG-UNDANG BAGI perubahan sedemikian.

Sila ambil perhatian bahawa sekiranya Anda berpindah ke negara lain, Anda mungkin tidak lagi layak membuat Caruman ke dalam Sijil Anda atau membuat sebarang keputusan pelaburan yang berkaitan dengan Sijil Anda. Undang-undang tempatan dan peraturan bidang kuasa di negara bermastautin Anda boleh menjejaskan keupayaan Kami untuk memberi perkhidmatan kepada Sijil Anda mengikut terma dan syarat. Oleh itu, Kami berhak untuk mengambil langkah-langkah yang Kami fikirkan sesuai, termasuk berhak untuk membatalkan atau menamatkan Sijil DENGAN SEGERA ATAU DENGAN TEMPOH NOTIS BERDASARKAN BILANGAN MINIMUM HARI YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG.

Jika Sijil ini dipindahkan / dibuat penyerahan hak kepada Peserta baru atau Peserta baru ditambahkan ke Sijil ini, Peserta asal mestilah memberikan Kami notis bertulis terlebih dahulu tentang perubahan tersebut kepada Sijil. Setiap Peserta baru atau tambahan mestilah DENGAN SEGERA ATAU DENGAN BILANGAN HARI YANG MINIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG membalas kepada permintaan Kami untuk memberi pengesahan diri yang tepat mengenai bidang kuasa atau bidang-bidang kuasa di mana Peserta baru/tambahan adalah pemastautin cukai, dan membalas kepada permintaan Kami untuk bukti dokumen dan nombor pengenalan pembayar cukai atau setaraf. Tambahan bagi tindakan yang dinyatakan di sini, kegagalan untuk memberi Kami notis atau memberikan Kami maklumat yang diminta sepenuhnya boleh menjejaskan hak Peserta di bawah Sijil ini atau menyebabkan penamatan Sijil.

Kami membuat pembayaran untuk Sijil ini adalah disebabkan oleh kematangan Sijil, penyerahan separa atau penuh hanya kepada Peserta atau penerima manfaat/waris yang dinyatakan dalam dokumen kontrak yang berkaitan. Bayaran ini hanya boleh dilakukan melalui pemindahan dalam talian dan ke dalam akaun bank atas nama Peserta atau penerima manfaat/waris tersebut yang terletak di bidang kuasa yang sama seperti Peserta atau, sebagaimana yang berkenaan, taraf mastautin (cukai) bagi penerima manfaat/waris. Pengecualian kepada sekatan-sekatan ini adalah tertakluk kepada budi bicara Kami dan selepas menilai fakta dan keadaan. Dalam apa jua keadaan, Kami tidak akan melaksanakan pembayaran tunai kepada Sijil penduduk Amerika Syarikat.

Atas permintaan Kami dan berdasarkan petunjuk bahawa pengesahan diri atau taraf mastautin cukai yang paling terkini tidak lagi dapat dipercayai atau tidak tepat, Peserta mesti dengan SEGERA ATAU DENGAN BILANGAN MINIMUM HARI YANG

DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG memberi pengesahan diri yang baru dan dokumen sokongan lain mengikut permintaan Kami.

Kami berhak untuk mengambil apa-apa langkah yang Kami anggap sesuai, termasuk hak untuk tidak melaksanakan arahan pembayaran sehingga Kami telah menerima semua maklumat dan dokumen yang mencukupi, atau untuk membatalkan Sijil, DENGAN SEGERA ATAU DENGAN NOTIS BILANGAN HARI YANG MINIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, sekiranya Kami mendapati bahawa Peserta dan / atau benefisiari memberikan pengesahan diri yang salah, sebarang maklumat atau dokumen lain yang disediakan berkaitan dengan prosedur pengenapastian dan semakan adalah tidak tepat atau tidak lengkap atau Peserta tidak memberikan Kami pengesahan diri atau maklumat lain mengikut permintaan Kami dalam masa tindak balas yang dinyatakan dalam permintaan Kami.

Kegagalan untuk memberi maklum balas yang sepenuhnya kepada permintaan Kami dalam tempoh masa yang diberikan boleh menyebabkan laporan maklumat mengenai Peserta kepada pihak berkuasa cukai yang berkenaan atau pihak berkuasa yang lain.

Kami tidak memberikan sebarang nasihat percukaian. Apa-apa maklumat yang berkaitan dengan undang-undang dan peraturan cukai yang diguna pakai hanya bersifat umum. Sijil ini direka untuk Peserta yang bermastautin di Malaysia. Jika Anda mengambil keputusan untuk tinggal di luar Malaysia selepas Sijil ini diterbitkan, dan jika Anda mempunyai pertanyaan atau ingin menerima maklumat tambahan berkenaan dengan mana-mana peruntukan yang dinyatakan di atas, Kami mencadangkan Anda untuk mendapatkan nasihat yang tidak berat sebelah.

Kami menolak sebarang tanggungjawab atau tidak mengambil tanggungjawab untuk sebarang masalah pencukaian yang mungkin timbul berkenaan dengan Sijil Anda dan / atau apa-apa pembayaran yang dibuat di bawah Sijil Anda akibat daripada perubahan negara pemastautin.

Kontrak Takaful Anda telah disimpulkan berdasarkan pada keperluan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa dan terpakai pada masa dimuktamadkan. Sekiranya keperluan perundangan dan pengawalseliaan mandatori yang terpakai bagi Sijil ini berubah, khususnya jika Anda mengubah negara kediaman Anda, dan akibatnya Kami tidak dapat terus melaksanakan kontrak tanpa potensi kesan buruk material kepada Kami, untuk memenuhi perubahan undang-undang dan keperluan pengawalseliaan Kami berhak untuk mengubahsuai terma dan syarat kontrak seperti yang Kami anggap sesuai mengikut budi bicara Kami sendiri dan tanpa persetujuan Anda, atau untuk menamatkan Sijil.

Kami akan memaklumkan terlebih dahulu kepada Anda pada bila-bila masa yang sesuai mengenai perubahan dalam terma dan syarat kontrak. Sekiranya berlaku penamatan Sijil, Kami akan menghantar notis penamatan dan kontrak akan ditamatkan mengikut notis penamatan.

Kami menolak sebarang tanggungjawab atau tidak mengambil tanggungjawab ke atas sebarang kos yang ditanggung oleh, atau liabiliti yang dikenakan ke atas Peserta akibat tindakan Kami dalam mematuhi keperluan berkenaan dengan pengenapastian, semakan atau laporan maklumat yang berkaitan dengan Peserta untuk tujuan cukai.

## **SEKATAN**

Semua urusan niaga kewangan adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkenaan. Kami tidak akan memberikan Anda sebarang perkhidmatan atau manfaat termasuk tetapi tidak terhad kepada penerimaan Caruman yang dibuat, pembayaran tuntutan dan pembayaran balik yang lain, sekiranya dengan berbuat sedemikian Kami melanggar undang-undang dan peraturan sekatan perdagangan yang berkenaan.

Kami boleh menamatkan Sijil jika Kami menganggap Anda atau pengarah atau pegawai Anda sebagai orang yang disekat, atau Anda menjalankan aktiviti yang disekat, mengikut undang-undang dan peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi.

## **UNDANG-UNDANG YANG DIGUNA PAKAI**

Sijil ini diterbitkan berlandaskan undang-undang Malaysia dan tertakluk serta dikawal oleh undang-undang yang diguna pakai di Malaysia.

## **TEMPOH BERTENANG**

Anda boleh membatalkan Sijil ini dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran Sijil ini. Apabila Sijil ini dibatalkan, Kami akan memulangkan sepenuhnya Caruman yang dibuat selepas ditolak sebarang tunggakan.

## **PENAMATAN**

Sijil ini akan tamat secara automatik jika mana yang mungkin berlaku dahulu:

- a. Apabila Orang Yang Dilindungi meninggal dunia; atau
- b. Jika ada Caruman yang belum dibuat selepas Tempoh Ihsan Caruman; atau
- c. Apabila Sijil matang /luput; atau
- d. Apabila bayaran penuh dibuat bagi tuntutan Penyakit Kritikal; atau
- e. Apabila Kami menerima permintaan bertulis daripada Anda untuk penamatan Sijil.

Sebarang Caruman yang diterima selepas penamatan Sijil ini tidak harus menjadi sebarang liabiliti. Kami akan memulangkan sebarang Caruman.

Kontrak Wakalah ini akan ditamatkan apabila Sijil ini tamat. Namun, Kami berhak untuk menerima Yuran Wakalah bagi servis yang diberikan.

## **AKAUN PELABURAN RISIKO PESERTA (APRP)**

Anda bersetuju bahawa Caruman akan diperuntukkan ke dalam Akaun Pelaburan Risiko Peserta (APRP) sebagai Tabarru', yang mana akan digunakan untuk membayar manfaat kepada Peserta apabila terjadi perkara-perkara yang dilindungi oleh Sijil masing-

masing. Anda juga bersetuju untuk membenarkan Kami menolak Yuran Wakalah terlebih dahulu sepertimana yang diterangkan lebih lanjut di dalam LAMPIRAN 1.

Kami mengurus dan melabur dana Tabarru' (APRP) berasaskan prinsip Syariah yang diluluskan Jawatankuasa Syariah Kami. Pada akhir Tahun Kewangan, jika APRP mempunyai lebih bersih, sebanyak 50% lebih akan dibayar kepada Kami berdasarkan kontrak Ju'alah, dan 50% akan dikongsi dengan semua Peserta sebagai Hibah daripada APRP, dengan syarat Peserta tersebut belum membuat sebarang tuntutan dan/atau tidak menerima sebarang manfaat daripada sebarang jenis perlindungan di bawah Sijil ini semasa ia berkuat kuasa.

Semua manfaat yang dibayar dari APRP adalah dijamin. Jika baki dalam APRP tidak mencukupi untuk membayar manfaat Takaful kepada Peserta-Peserta, Kami akan menampung kekurangan di dalam APRP di bawah prinsip Qard (pinjaman kebajikan) dengan syarat jumlah yang tidak mencukupi tersebut bukan disebabkan oleh kecuaiian Kami. Jika jumlah yang tidak mencukupi dalam APRP adalah disebabkan oleh kecuaiian Kami, Kami akan membuat pemindahan langsung bagi mengatasi kekurangan tersebut.

Tahun Kewangan bermaksud 31hb Disember pada setiap tahun.

SAMPLE

## PERUNTUKAN HAK MILIK

**NO. BORANG:**

### HAK MILIK

Pemilik Sijil ini adalah Peserta seperti yang dinyatakan di Lembaran Maklumat Sijil melainkan pertukaran pemilikan dibuat. Semasa Orang yang dilindungi masih hidup, hanya Peserta boleh melaksanakan semua hak, keistimewaan dan pilihan yang diperuntukkan dalam Sijil ini tertakluk kepada hak pemegang serah atau hak pemegang amanah. Sekiranya Anda meninggal dunia sebelum Orang Yang Dilindungi, hak, keistimewaan dan pilihan tersebut akan diberikan kepada wakil sah Anda.

### PENAMA

Penama seperti yang dinyatakan oleh Anda dalam borang penamaan, kecuali diubah kemudiannya yang sesuai dengan peruntukan Syariah dengan menghantar notis bertulis sewajarnya kepada Kami.

## PERUNTUKAN CARUMAN

**NO. BORANG:**

### CARUMAN DAN MATA WANG

Semua Caruman hendaklah dibuat kepada Kami pada atau sebelum tarikh Caruman perlu dibuat dalam bentuk mata wang dan jumlah seperti yang dinyatakan di Lembaran Maklumat Sijil atau Endosmen termasuklah Caruman yang dibuat dengan cara elektronik.

Jumlah Caruman adalah tidak dijamin dan dikira berdasarkan umur yang dicapai Orang yang Dilindungi pada setiap ulang tahun Sijil. Kami berhak untuk menukar kadar Caruman yang dikira, pada permulaan mana-mana Tahun Sijil, dengan syarat Kami akan memaklumkan Orang yang Dilindungi/Peserta sekurang-kurangnya tiga (3) bulan terdahulu sebelum tarikh pembaharuan Caruman disemak semula berserta surat notifikasi merangkumi sebab perubahan.

### PERUBAHAN MOD CARUMAN

Anda boleh menukar mod Caruman tertakluk kepada syarat-syarat Caruman minima, dan hanya berkuatkuasa setelah mendapat kelulusan dari Kami. Caruman Anda boleh dibuat secara tahunan, separa-tahunan, suku-tahunan atau bulanan.

### TEMPOH IHSAN CARUMAN

Tarikh bil adalah pada satu (1) hari bulan untuk setiap bulan. Anda mempunyai Tempoh Ihsan untuk membuat caruman selama lima puluh (50) hari daripada tarikh bil untuk membuat Caruman. Sekiranya Anda tidak membuat Caruman Anda sebelum tamatnya Tempoh Ihsan Caruman, sijil ini akan luput. Walau bagaimanapun, Anda mungkin layak untuk perkongsian lebih daripada APRP pada akhir tahun kewangan apabila Sijil Anda telah luput.

### TEMPOH IHSAN PERLINDUNGAN

Anda diberi Tempoh Ihsan Perlindungan selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh caruman perlu dibuat untuk melindungi kerugian yang berlaku tertakluk kepada peruntukan Sijil. Dalam tempoh ini, Sijil ini masih berkuatkuasa.

### YURAN WAKALAH

Yuran Wakalah akan diguna pakai kepada Caruman yang dibuat. Struktur yuran adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Yuran Wakalah (LAMPIRAN 1). Yuran Wakalah adalah ditentukan sebagai peratusan daripada Caruman.

### TABARRU'

Tabarru' akan ditolak daripada APRP. Penolakan Tabarru' untuk manfaat akan ditolak berdasarkan mod caruman Sijil ini sehingga akhir tempoh perlindungan sijil dengan syarat caruman yang sewajarnya dibuat.

Kadar Tabarru' adalah tidak tetap dan Kami berhak untuk menyemak semula kadar Tabarru'. Kami akan memberi notis sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh pembaharuan kadar Tabarru' berserta surat notifikasi merangkumi sebab perubahan, sebelum melaksanakan kadar Tabarru' yang telah disemak semula.

## LAMPIRAN 1

NO BORANG:

### Yuran Wakalah dan Tabarru'

Peraturan Caruman yang diperuntukan sebagai Yuran Wakalah and Tabarru' adalah seperti berikut:

Tahun Sijil	Yuran Wakalah % Caruman	Yuran Wakalah Setiap Tahun Sijil*	Tabarru'
1	30	RM30	70% Caruman – RM30
2 ke 6	20	RM30	80% Caruman – RM30
7 dan ke atas	15	RM30	85% Caruman – RM30

\* Yuran Wakalah Setiap Tahun Sijil adalah berdasarkan mod Caruman tahunan

## PENGAGIHAN LEBIHAN

Pengagihan lebihan dalam APRP.

Peserta\* : Lima Puluh Peratus (50%)  
Kami : Lima Puluh Peratus (50%)

\*Hanya untuk para Peserta yang tidak membuat sebarang tuntutan dan/atau tidak menerima sebarang manfaat di bawah setiap jenis perlindungan di bawah Sijil ini semasa ianya masih berkuatkuasa.